

KENYATAAN MEDIA BON ODORI : UMAT ISLAM TIDAK HARUS MERAIKAN UPACARA AGAMA LAIN

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

Aras 3 & 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No. 3, Jalan Tun Razak, Presint 3, 62100
Putrajaya

Tel: 03-88703870 | Faks: 03-88703871 | Website: www.yadim.com.my



Perayaan Bon Odori yang dijadual disambut di Kompleks Sukan Negara pada 16 Julai ini merupakan upacara keagamaan dan kepercayaan masyarakat bukan Islam khasnya dari negara Jepun yang beragama Buddha. Ia adalah upacara telah disambut sejak 500 tahun yang lalu bersifat tarian bagi menyeru roh orang yang sudah mati. Ia mula diraikan oleh sebahagian masyarakat bukan Islam di negara ini.

Justeru itu, upacara mana-mana agama tidak pernah dihalang oleh ajaran Islam di negara ini dan ia termasuk dalam maksud firman Allah SWT dalam Al Quran, ".. bagi kamu agama kamu, dan bagi kami agama kami..".

Al Quran, Surah Al Kafirun ayat 6.

Namun begitu, mana-mana upacara sambutan perayaan agama lain yang melibatkan urusan kepercayaan dan aqidah, maka tidak harus bagi umat Islam menyertainya dan terlibat dalam upacara berkenaan. Ia termasuk perkara yang boleh menggugat keimanan seseorang Muslim dan juga dilarang kita menyerupai golongan bukan Islam pada sudut yang melanggar aqidah dan syariat.

Hadis diriwayatkan oleh Abdullah ibnu Umar Ra, bahawa sabda Nabi Muhammad saw,

"... Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia sebahagian daripada mereka..".

Sahih Abu Daud 4031

Maka perayaan Bon Odori yang bakal berlangsung di negara ini menjadi salah satu daripada perayaan pelbagai agama yang hidup secara harmoni dan aman selama ia tidak mencampuri urusan umat Islam dan ajarannya.

Umat Islam juga dianjurkan agar menghormati budaya dan kepercayaan agama lain dan tidak ada paksaan dalam Islam terhadap penganut agama lain kepada agama Islam.

Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM) menyeru seluruh rakyat Malaysia agar menjalani kehidupan secara aman dan damai serta saling hormat menghormati antara satu dengan lain.

Ketahuilah bahawasanya memelihara agama Islam dan Aqidah merupakan setinggi-tinggi matlamat dan tujuan ajaran Islam dalam Maqasid Syariah yang lima.

Melestari Gerakan Dakwah

Ustaz Muhammad Najhan Shahir Halim

Pengerusi

Majlis Amal Islami Malaysia (MAIM)

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

7 Jun 2022

Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Media dan Teknologi Dakwah YADIM menerusi pegawai bertanggungjawab, MdZan Saari (018-282 1956) atau Norsalmah Md Noordin (018-387 4265).